

Kawalan empangan punca berlaku banjir

BU 271

SETIAP kali musim tengkujuh terutama antara November dan Disember setiap tahun, penduduk Kampung La, Hulu Besut, Terengganu, tidak terlepas daripada kesusahan kerana kampung itu dan beberapa kampung sekitar terletak di pinggir Sungai Besut dilanda banjir.

Sama ada kecil atau besar, banjir tetap melanda kampung ini menyebabkan penduduk sentiasa bersedia menghadapi kemungkinan dan berpindah apabila keadaan berbahaya.

Pengalaman menghadapi banjir cukup sinonim kepada penduduk kampung tradisional ini kerana sentiasa terdedah dengan kejadian itu apabila menjelang akhir tahun sebaik hujan berlaku di negeri ini.

Segala perancangan awal bagi menghadapi bencana termasuk penubuhan jawatankuasa bencana, penyediaan pusat perpindahan, makanan, bot, perahu dan keperluan berkaitan sentiasa diberi perhatian.

Tidak ketinggalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut memasang siren sistem penggera bagi mengesan berlakunya banjir bagi memudahkan penduduk terbabit membuat persiapan berpindah jika mencapai tahap berbahaya berasaskan paras air di sungai berhampiran.

Bagaimanapun, ada satu masalah besar menjadi punca mudahnya berlaku limpahan air di Kampung La dan beberapa kampung yang terletak di Hulu Besut iaitu Ampangan Jajar Gong Duek, kira-kira lapan kilometer dari bandar Jertih.

Ampangan Jajar Gong Duek dijadikan tempat penyukat air sering menghantui penduduk Hulu Besut kerana di situlah yang menentukan keadaan banjir di kawasan berkenaan. Tindakan pihak pengurusan khususnya JPS Besut yang tidak mengawal pintu air di empangan itu pada setiap kali musim tengkujuh menyebabkan kampung terbabit mudah ditenggelami air.

Paling menyedihkan dua dari empat pintu air di empangan itu dilaporkan rosak sejak lebih tiga tahun lalu, tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil untuk memperbaikinya. Pihak terbabit hanya menjaga kepentingan penduduk tinggal berdekatan empangan itu saja, sebaliknya membiarkan penduduk di Hulu Besut menderita kerana petugas tidak melepaskan air secara profesional.

Apa yang menyedihkan JPS Besut dalam sebuah akhbar harian Kelantan/Terengganu pada 25 Januari lalu menolak dakwaan penduduk sebaliknya mempertahankan cara mereka bertugas mengendalikan empangan itu.

Diharap jurutera dan kakitangan JPS Besut datang ke kampung ini apabila berlaku banjir dan melihat bagaimana nasib dialami penduduk bukan sekadar bercakap sebaliknya bekerja. Ikutilah amanah Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh yang mengarahkan pegawai dan kakitangan kerajaan negeri jangan banyak cakap, tetapi lebih bekerja dan tinjau masalah rakyat.

PENDUDUK GERAM,
Kampung La, Jertih.